

**PERSEPSI PELAKSANAAN PROGRAM 'SERASI'
DAN PENGETAHUAN TERHADAP KESEDARAN
PELAJAR TENTANG ALAM SEKITAR**

JAIKIN GONDILI

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

PERSEPSI PELAKSANAAN PROGRAM 'SERASI' DAN PENGETAHUAN TERHADAP KESEDARAN PELAJAR TENTANG ALAM SEKITAR

JAIKIN GONDILI



UMS
Pendidikan
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL , UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

Pengakuan

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

18 JUN 2008

.....
(**JAIKIN B GONDILI**)

PS05-006 (K) - 093



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

TAJUK : **PERSEPSI PELAKSANAAN PROGRAM 'SERASI' DAN
PENGETAHUAN TERHADAP KESEDARAN PELAJAR
TENTANG ALAM SEKITAR**

IJAZAH : **SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

TARIKH VIVA : **11 JUN 2008.**

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA

DR MOHD YUSUF ABDULLAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL PERSEPSI PELAKSANAAN PROGRAM SERASI TERHADAP
 KESEDARAN PELAJAR TENTANG ALAM SEKITAR

IJAZAH : Sarjana (Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2008

Saya, JAIKIN GONDILI mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. TIDAK TERHAD



Disahkan oleh

 (Penulis: JAIKIN B GONDILI)

 (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

Taman Puterajaya Telipok, Peti Surat 15331,
 88863 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

 (Penyelia: Dr. MOHD YUSUF ABDULLAH)

Tarikh: 22 JUN 2008

Tarikh: _____

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya panjatkan ucapan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan perkenannya disertasi ini dapat disiapkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan membantu saya bagi menyempurnakan penulisan Disertasi ini dan seterusnya telah memperkayakan ilmu dan pengetahuan saya

Saya ingin merakam terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk mengikuti kursus Program Sarjana Pengurusan Pendidikan. Sesungguhnya peluang ini telah memungkinkan saya memperoleh satu lagi aras baru ilmu pengetahuan

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Yayasan Sabah kerana telah memberikan bantuan pinjaman pendidikan kepada saya sepanjang mengikuti program sarjana ini. Tidak dinafikan bahawa bantuan pinjaman tersebut telah banyak meringankan beban kewangan untuk membiayai kos pengajian di samping telah memastikan bahawa saya dapat mengikuti kursus ini dengan licin.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Mohd Yusuf Abdullah di atas segala nasihat, tunjuk-ajar dan dorongan semangat motivasi yang diberikan semasa menyiapkan disertasi ini. Begitu juga buat Dekan Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial (SPPS) Prof. Dr. Zulkifli Mohamed yang telah memberikan dorongan dan perangsang bagi menamatkan pengajian kami dalam program ini.

Untuk semua rakan yang tidak sempat saya senaraikan di sini, terima kasih diucapkan di atas teguran, sumbangan idea dan bantuan dalam banyak perkara berkaitan penulisan disertasi ini. Tidak dilupakan khusus buat kedua pihak ibu bapa saya dan ibu bapa mertua yang banyak menghulurkan bantuan dari segi doa dan harapan.

Akhir sekali, setinggi penghargaan buat isteri dan anak-anak saya kerana turut berkongsi jerih kepayahan dan pahit – manis sepanjang kesibukan saya menjayakan Kursus Sarjana ini. Sesungguhnya mereka adalah insan yang banyak memberikan inspirasi kepada saya untuk tabah menghadapi cabaran sehingga selesai pengajian.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi pelaksanaan program SERASI terhadap tahap kesedaran alam sekitar pelajar di sebuah 'sekolah terapung', daerah Kota Kinabalu. Kajian dijalankan bertujuan mengenal pasti perbezaan kesedaran alam sekitar pelajar berdasarkan aspek demografi berkaitan petempatan, kemudahan tandas dan cara pembersihan sampah. Selain itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan Program SERASI dengan kesedaran alam sekitar pelajar. Kajian turut melihat Pengaruh Program SERASI dan pengetahuan terhadap kesedaran alam sekitar pelajar. Seramai 140 orang responden yang terlibat terdiri dari pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima. Pemilihan pelajar di kalangan kelas menengah atas dibuat memandangkan mereka telah terlibat secara langsung dengan kesemua aktiviti yang dilaksanakan dalam program SERASI sejak ianya diperkenalkan di sekolah ini. Data diperoleh melalui soal selidik. Analisis data kajian menggunakan statistik deskriptif (Peratus), Ujian-t, ANOVA sehalu, Korelasi pearson dan regresi berganda. Hasil kajian menunjukkan bahawa; kesedaran alam sekitar di kalangan pelajar berdasarkan demografi berkaitan petempatan adalah ($t = -.017$; $p > 0.05$) iaitu kesedaran bagi responden yang tinggal di darat dan yang tinggal di petempatan atas air adalah sama. kesedaran alam sekitar di kalangan pelajar berdasarkan demografi berkaitan kemudahan tandas adalah ($F = .089$; $p > 0.05$) yang menunjukkan bahawa jenis kemudahan tandas bukanlah faktor penentu kepada tahap kesedaran alam sekitar responden. Manakala kesedaran alam sekitar di kalangan pelajar berdasarkan demografi berkaitan cara pembersihan sampah adalah ($F = 1.195$; $p > 0.05$) yang menjelaskan bahawa cara pembersihan sampah yang diamalkan bukan faktor yang menentukan tahap kesedaran alam sekitar responden. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan program SERASI terhadap kesedaran alam sekitar pelajar ($r = .530$; $p < 0.01$) iaitu; semakin positif persepsi pelajar terhadap program SERASI maka semakin tinggi tahap kesedaran alam sekitar pelajar. Dapatan kajian juga mendapati bahawa kedua-dua pemboleh ubah iaitu program SERASI dan pengetahuan merupakan faktor utama yang mempunyai pengaruh signifikan terhadap kesedaran alam sekitar pelajar sebagaimana yang ditunjukkan analisis data iaitu ($R^2 = 0.589$, $F = 36.382$, $k < 0.01$).

ABSTRACT

THE PERCEPTION OF SERASI PROGRAMME AND KNOWLEDGE TO THE LEVEL OF ENVIRONMENT AWARENESS AMONG STUDENTS

The study was carried out to find out the perception of SERASI program to the level of environmental awareness among students in 'a floating school' located in Kota Kinabalu district. The aim of the study was to identify the difference in environmental awareness among students based on demography aspect related to location, sanitary facility and rubbish cleaning method. Besides, the study was to identify the relationship between SERASI program and environmental awareness of students. The study also looked into the influence of SERASI program and the knowledge of students in environment. 140 respondents involved were from form 4 and 5 students. The selection among upper form classes were done for they involved directly in all activities implemented by SERASI program since it was introduced in the school. Data were obtained through sets of questionnaire. The data analysis were using descriptive (Percentage), t-test, One Way ANOVA Test, Pearson Correlation and multiple regressions. From the result of the study, it shows that the environmental awareness among students based on demography related to location is ($t = -.017$; $p > 0.05$) means that the awareness of respondents living in the mainland is the same with those 'floating on the island'. Environmental awareness among students based on demography is related to sanitary facility is ($F = .089$; $p > 0.05$) which shows that types of sanitary facility is not a factor that determines the level of environmental awareness among the respondents. Meanwhile, the environmental awareness among students based on demography related to wastage cleaning method is ($F = 1.195$; $p > 0.05$) which explains that the wastage cleaning method practiced is not a factor that determines the level of awareness of the respondents. The finding of the study also shows that there is a significant relationship of the SERASI program towards the environmental awareness among students ($r = .530$; $p < 0.01$) which is the more positive perception of the student to SERASI program, the higher level of environmental awareness among them. The study also found out that both variables which are the SERASI program and knowledge are main factor that have significant influence towards environmental awareness among students as shown by the data analysis, which ($R^2 = 0.589$, $F = 36.382$, $k < 0.01$).

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Pengakuan	i
Pengesahan Penyelia	ii
Pengesahan Status Disertasi	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vi
Isi Kandungan	vii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Singkatan	x
Senarai Lampiran	xi

Bab 1 Pendahuluan

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah.	7
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Soalan Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	12
1.8 Signifikan Kajian	12
1.9 Definisi Operasional	13
1.9.1 Persepsi	14
1.9.2 Pengaruh	14
1.9.3 Program SERASI	14
1.9.4 Pengetahuan Alam Sekitar	15
1.9.5 Kesedaran Alam Sekitar	15
1.9.6 Alam Sekitar	16
1.10 Batasan Kajian	17
1.11 Kesimpulan	17

Bab 2 Sorotan Literatur

2.1	Pengenalan	19
2.2	Definisi Konsep	21
2.2.1	Perlaksanaan Program SERASI SMK Pulau Gaya	21
2.2.2	Kesedaran Alam Sekitar Di kalangan Pelajar Berdasarkan Demografi berkaitan Petempatan, Kemudahan Tandas dan Cara Pembuangan Sampah.	23
2.2.3	Hubungan Yang Signifikan Antara Program SERASI Dengan Kesedaran Alam Sekitar Pelajar	24
2.2.4	Pengaruh Yang Signifikan Program SERASI Terhadap Pengetahuan Alam Sekitar Pelajar	24
2.3	Program Kesedaran Alam Sekitar	25
2.4	Anugerah Kecemerlangan Alam Sekitar	28
2.5	Nilai Alam Sekitar Kepada Manusia	30
2.6	Isu-isu Alam Sekitar	30
2.7	Model Kajian	35
2.8	Sorotan Kajian	38
2.8.1	Sorotan Dalam Negara	39
2.8.2	Sorotan Luar Negara	47
2.9	Kesimpulan	49

Bab 3 Metodologi Kajian

3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Lokasi Kajian	51
3.4	Subjek, Populasi dan Pensampelan Kajian	52
3.5	Instrumen Kajian	53
3.6	Tatacara Kajian	56
3.7	Kajian Rintis	57
3.8	Teoretikal Kajian	58
3.8.1	Teori Pembelajaran Behaviourisme	59
3.8.2	Teori Peneguhan	60

3.9	Kerangka Konsep	61
3.10	Pengumpulan Borang Dan Penganalisisan Data	62
3.11	Proses menganalisis data	62
3.11.1	Ujian – T	62
3.11.2	Analisis Varian (ANOVA Sehalu)	63
3.11.3	Analisis Pekali Korelasi Pearson	63
3.11.4	Analisis Regresi	64
3.11.5	Aras Signifikan	65
3.12	Skala Pengukuran Hipotesis Kajian	65
3.13	Kesimpulan	66

Bab 4 Dapatan Kajian

4.1	Pengenalan	67
4.2	Kebolehpercayaan instrumen kajian	67
4.3	Latar belakang responden	68
4.3.1	Maklumat responden mengikut demografi petempatan	68
4.3.2	Maklumat Responden Mengikut Kaedah Pembersihan Sampah	69
4.3.3	Maklumat Responden Mengikut Jenis Kemudahan Tandas	71
4.3.4	Maklumat Responden Mengikut bentuk pencemaran	72
4.3.5	Maklumat Responden Mengikut Keadaan Persekitaran	73
4.4	Dapatan Kajian berdasarkan hipotesis kajian	74
4.4.1	Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Kesedaran Alam Sekitar Berdasarkan Demografi Berkaitan Petempatan, Kemudahan Tandas Dan Pembersihan Sampah	74
4.4.1.1	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Kesedaran Alam Sekitar Pelajar Berdasarkan Demografi Berkaitan Petempatan	74
4.4.1.2	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Kesedaran Alam Sekitar Pelajar Berdasarkan Jenis Kemudahan Tandas	75
4.4.1.3	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Kesedaran Alam Sekitar Pelajar Berdasarkan Cara Pembersihan Sampah	76

4.4.2	Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Program SERASI dengan Kesedaran Alam Sekitar Pelajar	77
4.4.3	Tidak Terdapat Pengaruh Yang Signifikan Program SERASI dan Pengetahuan Terhadap Kesedaran Alam Sekitar Pelajar	78
4.5	Analisa keseluruhan dapatan hipotesis kajian	79
4.6	Kesimpulan	80

Bab 5 Rumusan, Perbincangan Dan Cadangan

5.1	Pengenalan	82
5.2	Rumusan Kajian	82
5.3	Perbincangan	87
5.3.1	Kesedaran Alam Sekitar Pelajar Mengikut demografi Berkaitan Petempatan, Kemudahan Tandas dan Cara Pembersihan Sampah	87
5.3.2	Program SERASI Dan Hubungannya Terhadap Kesedaran Alam Sekitar Pelajar	89
5.3.3	Pengaruh Program SERASI Dan Pengetahuan Terhadap Kesedaran Alam Sekitar Pelajar	91
5.4	Perbincangan Kerangka Konseptual dan teori	92
5.5	Cadangan	93
5.5.1	Kepada pihak pengurusan sekolah dan guru	93
5.5.2	Kepada Guru-Guru Dan Kakitangan Sokongan	94
5.5.3	kepada Pelajar	95
5.5.4	Kepada Ibu bapa	96
5.5.5	Kepada Masyarakat	96
5.6	Cadangan untuk kajian selanjutnya	97
5.7	Kesimpulan	98

Bibliografi

Lampiran.

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual	1.1	Petempatan 'atas air' dan jarak kedudukannya dari SMK Pulau Gaya.	6
Jadual	1.2	Bahan Pencemaran	6
Jadual	1.3	Dimensi Kajian	9
Jadual	2.1	Demografi Tempat Tinggal Pelajar SMK Pulau Gaya.	23
Jadual	2.2	Program Kesedaran Alam Sekitar bagi pelajar sekolah dan IPT	26
Jadual	2.3	Program Kesedaran Alam Sekitar bagi masyarakat umum	26
Jadual	2.4	Program Kesedaran Alam Sekitar bagi golongan sasaran Tertentu	26
Jadual	2.5	Hari penting tentang alam sekitar – peringkat global dan glocal.	27
Jadual	2.6	Anugerah Kecemerlangan Alam Sekitar	28
Jadual	2.7	Syarat layak Anugerah Kecemerlangan Alam Sekitar Bagi setiap kategori	29
Jadual	2.8:	Empat Elemen Dimensi Model CIPP oleh Stufflebeam	38
Jadual	3.1	Jumlah Populasi dan Sampel kajian	52
Jadual	3.2	Petunjuk Skala Kajian	54
Jadual	3.3	Item-item Soal Selidik.	56
Jadual	3.4	Ujian kebolehpercayaan Kajian Rintis	58
Jadual	3.5	Klasifikasi kekuatan korelasi	64
Jadual	3.6	menunjukkan jadual skala pengukuran tersebut.	66
Jadual	4.1	Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	68
Jadual	4.2	Maklumat Demografi Petempatan Responden	69
Jadual	4.3	Maklumat responden mengikut kaedah pembersihan Sampah	70
Jadual	4.4	Maklumat responden mengikut jenis kemudahan tandas	71
Jadual	4.5	Maklumat responden mengikut bentuk pencemaran	72
Jadual	4.6	Maklumat responden mengikut keadaan persekitaran	73

Jadual	4.7	Analisis Ujian t-sampel bebas bagi Perbezaan Kesedaran Alam Sekitar Pelajar Berdasarkan Struktur Petempatan	74
Jadual	4.8	Analisis Ujian ANOVA Sehalu bagi Perbezaan Kesedaran Alam Sekitar Pelajar Berdasarkan Kemudahan Tandas	75
Jadual	4.9	Analisis Ujian ANOVA Sehalu bagi Perbezaan Kesedaran Alam Sekitar Pelajar Berdasarkan Cara Pembersihan Sampah Di Kawasan Petempatan	76
Jadual	4.10	Analisis KORELASI Pearson bagi Hubungan Persepsi Terhadap Program SERASI Dengan Tahap Kesedaran Alam Sekitar Di Kalangan Pelajar	77
Jadual	4.11	Pengaruh Persepsi Ke Atas Program SERASI Dan Pengetahuan Terhadap Kesedaran Alam Sekitar Di Kalangan Pelajar	78
Jadual	4.12	Analisa dapatan kajian keseluruhan	80



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

			Muka Surat
Rajah	2.1	Nilai Alam Sekitar Kepada Manusia Yang Bersifat Holistik	30
Rajah	3.1	Kerangka Konsep Kajian	61
Rajah	4.1	Pengaruh Persepsi Ke Atas Program SERASI Dan Pengetahuan Terhadap Kesedaran Alam Sekitar Di Kalangan Pelajar	79



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

<i>SERASI</i>	<i>Sekolah Rakan Alam Sekitar</i>
<i>DBKK</i>	<i>Dewan Bandaraya Kota Kinabalu</i>
<i>JPNS</i>	<i>Jabatan Pelajaran Negeri Sabah</i>
<i>PATIF</i>	<i>Pendatang Tanpa Izin Filipina.</i>
<i>JAS</i>	<i>Jabatan Alam Sekitar</i>
<i>CAP</i>	<i>Consumer Association Penang.</i>
<i>FOMCA</i>	<i>Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia</i>
<i>NGO</i>	<i>Non-Government Organization</i>
<i>PCA</i>	<i>Persatuan Pencinta Alam</i>
<i>RM-9</i>	<i>Rancangan Malaysia Ke Sembilan.</i>
<i>PTI</i>	<i>Pendatang Tanpa Izin</i>
<i>NST</i>	<i>The New Strait Times.</i>
<i>WWF</i>	<i>World Wide Fund</i>
<i>EIA</i>	<i>Environment Impact Assessment</i>
<i>PIPP</i>	<i>Pelan Induk Pembangunan Pendidikan</i>
<i>KPM</i>	<i>Kementerian Pelajaran Malaysia</i>
<i>SMK</i>	<i>Sekolah Menengah Kebangsaan</i>
<i>PBT</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>
<i>IPT</i>	<i>Institusi Pengajian Tinggi</i>
<i>EPU</i>	<i>Economy Planning Unit</i>
<i>EAC</i>	<i>Environment Action Committee</i>
<i>SMM</i>	<i>Sistem Maklumat Murid</i>
<i>SAM</i>	<i>Sahabat Alam Malaysia</i>
<i>WHO</i>	<i>World Health Organization</i>
<i>CIPP</i>	<i>Context, Input, Process, Product</i>
<i>HEM</i>	<i>Hal Ehwal Murid</i>
<i>FPK</i>	<i>Falsafah Pendidikan Kebangsaan</i>
<i>BPPDP</i>	<i>Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan</i>
<i>SPSS</i>	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
<i>KTBM</i>	<i>Kakitangan Bukan Mengajar</i>

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****MUKA SURAT**

Soal Selidik	100
Jadual Penentuan Saiz Sampel	101
Surat Kebenaran Membuat Kaji Selidik (KPM)	102
Surat Kebenaran Membuat Kaji Selidik (JPNS)	103
Surat Pengesahan Pelajar Pasca Siswazah (UMS)	104
Senarai Panel Pengesahan Validiti	105



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Isu pencemaran merupakan perkara kontroversi yang telah sekian lama menjadi ancaman dunia sejangkit tanpa penyelesaian secara total. Fenomena alam sekitar yang semakin terancam telah mengundang satu kebimbangan berterusan di kalangan masyarakat global. Justeru itu, sekolah merupakan institusi formal yang diharapkan dapat membentuk generasi yang menghargai alam sekitar. Melalui kurikulum dan kokurikulum terancang di sekolah, keperibadian, persepsi, dan kesedaran pelajar terhadap alam sekitar dapat dibudayakan dalam kehidupan seharian. Pelenturan jiwa seseorang individu itu akan lebih sukar apabila sudah meningkat dewasa dan setelah keluar dari alam persekolahan seperti kata pepatah " Melentur buluh biarlah dari rebungnya " (Jawatan Kuasa Pelaksanaan SERASI 2004). Atas rasional itu, maka usaha untuk menyemai kesedaran dan tanggungjawab dalam diri pelajar melalui Program yang dianjurkan di sekolah seperti "Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI)" dilihat sebagai satu cara yang afektif. Zakri dalam (Omar, Salfarina & *et al* 2005) menyatakan bahawa tugas utama pendidikan ialah untuk membina kesedaran awam dan kefahaman tentang konsep pembangunan mampan dan pemuliharaan alam sekitar.

SMK Pulau Gaya merupakan salah sebuah daripada sekolah luar bandar yang menyertai program SERASI . Program ini merupakan anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS), dan Jawatan kuasa Tindakan

Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Program ini adalah sebahagian daripada aktiviti-aktiviti alam sekitar yang berkaitan dengan konsep 'Pelestarian Sekolah' oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui komponen pengurusan, penghijauan, kurikulum dan kokurikulum. Mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1996 oleh Kementerian Pelajaran menyatakan bahawa;

" Demi menjadikan sekolah sebagai kawasan yang indah, selesa dan menggembirakan, serta dapat merangsang pembelajaran yang berkesan, faktor penglibatan pelajar perlu dititik beratkan. Sikap pelajar ke arah mengutamakan kebersihan perlu dibina dalam diri mereka. Kesedaran tentang perlunya penjagaan kebersihan bilik darjah, kantin, padang permainan, taman bunga, tandas serta keseluruhan persekitaran sekolah haruslah dipupuk dalam minda mereka. Penghayatan terhadap keceriaan, keindahan dan kebersihan hendaklah dibudayakan supaya akan menjadi amalan bagi setiap pelajar "

Melalui program ini, pelajar diterapkan dengan pendidikan melaksanakan amalan kebersihan, kesihatan dan penjagaan alam sekitar. Pendidikan alam sekitar juga diserapkan melalui aktiviti Kokurikulum pelajar di sekolah ini seperti penanaman pokok bunga dalam pasu, taman refleksiologi dengan kerjasama Celcom, perkhemahan dan lawatan alam sekitar, bergotong royong, program kitar semula, pembuatan baja kompos, melukis mural yang bertemakan taman laut, pengumpulan kulit kerang, dan sebagainya (Rujuk Lampiran Program SERASI SMK Pulau Gaya).

1.2 Latar Belakang Kajian

Melihat kepada senario pemodenan dan pembangunan masa kini, ia banyak mengorbankan keaslian alam semulajadi. Ramai pihak tidak prihatin terhadap pentingnya menghargai nikmat alam sekitar. Pencemaran alam sekitar telah mencetuskan konflik keseimbangan sehingga mengundang kepada bencana alam dan risiko kesihatan. Justeru, usaha untuk menangani pengabaian tersebut wajar digerakkan

melalui aktiviti terancang. Inisiatif untuk menanam kesedaran sebaik-baiknya dimulakan diperingkat awal supaya generasi baru faham tentang tanggungjawab mereka menyelamatkan bumi daripada kerosakan alam sekitar yang serius. Mereka perlu didedahkan seluas mungkin dengan ilmu pengetahuan tentang alam sekitar dan hubungannya terhadap kesejahteraan hidup manusia dan makhluk lain di muka bumi ini. Menurut kenyataan Jabatan Alam Sekitar (1981), satu masalah utama yang dihadapi di dalam melaksanakan kawalan pencemaran ialah orang ramai tidak sedar yang perbuatan mereka menyebabkan gangguan atau kerosakan ke atas alam dan gangguan tersebut sebenarnya dapat dielakkan. Oleh itu, adalah penting pengetahuan mengenai alam sekitar dan pemuliharaannya disebarikan supaya keindahan alam semulajadi akan terus dapat dinikmati. Golongan pelajar merupakan pihak yang paling sesuai sebagai saluran terbaik bagi menerapkan kempen kesedaran tentang tanggungjawab alam sekitar di peringkat awal. Menurut Kvarda (1990) dalam Hanunah (2004) tujuan utama pendidikan alam sekitar adalah untuk membentuk kesedaran dan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Ardi (2001) menyatakan bahawa hasil kajian bagi melihat tahap kesedaran alam sekitar pelajar sekolah menengah di sekitar Likas, Kota Kinabalu menunjukkan bahawa 86% menyatakan memperoleh pengetahuan alam sekitar semasa di sekolah. Mereka mudah menerima *input* berupa pengetahuan samada yang berbentuk fakta saintifik, mahupun proses pengalaman dalam kehidupan mereka sehari-hari. Proses tersebut akan meninggalkan kesan kefahaman secara mendalam dalam jiwa mereka apabila disokong dengan bimbingan secara berhala tuju melalui program – program aktiviti di sekolah, Ko-Kurikulum, pertandingan, SERASI, Wira Alam, Sekolah Lestari, Anugerah dan pengiktirafan, atau pendedahan melalui lawatan ke tempat-tempat yang teruk dilanda kemusnahan alam sekitar. Menurut Jos & Wynne (1990),

pendidikan alam sekitar bermula dengan persekitaran konkrit pada setiap kanak-kanak. Alam sekitar mempunyai pengaruh penting terhadap perkembangan emosi dan cara hidup mereka. Sekolah adalah bahagian yang penting dalam perkembangan kanak-kanak kerana ia berperanan secara asli dalam menerapkan pengisian pendidikan alam sekitar. Maximus dan Ramlan (1992) menyatakan bahawa adalah penting bagi agensi kerajaan untuk menyediakan program penyebaran maklumat kepada orang ramai bermula dari peringkat murid sekolah agar kesedaran umum penjagaan alam sekitar akan lebih berkesan. Antara faktor penyebab pengabaian alam sekitar ialah kurangnya pengetahuan secara jelas tentang pentingnya hubungan baik antara alam dengan hidup manusia. Justeru itu, generasi muda khususnya golongan pelajar perlu didedahkan dengan *'knowledge input'* yang disertakan dengan pelan tindakan dan program terancang untuk menjana transformasi mentaliti menjadi kesedaran. Melalui kesedaran tersebut, mereka akan rela untuk bertindak mempertahankan keindahan, kebersihan, dan keaslian alam semulajadi yang terpelihara dan dilindungi. Melalui Rancangan Malaysia Ke-9 dari tahun 2002 hingga 2010, jelas dinyatakan komitmen untuk menggalakkan perlindungan alam sekitar dan pengurusan sumber secara mapan iaitu;

" Pengawasan alam sekitar akan terus diberi penekanan oleh kerajaan untuk memastikan keseimbangan optimum antara keperluan pembangunan dengan pemulihan alam sekitar. Fokus yang lebih akan diberi kepada langkah pencegahan dan puncanya bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar, mengurangkan aktiviti haram terhadap alam sekitar, serta mempergiatkan usaha pemuliharaan untuk mengurus sumber alam secara mapan. Kualiti udara dan air akan dipantau rapi dan langkah akan diambil bagi memastikan pencemaran diminimumkan. Ini termasuklah memperkenalkan peraturan dan piawai pelepasan yang lebih ketat, menambah baik sistem pembetungan awam, serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih bersih. Disamping itu, hutan bakau dan habitat pesisir pantai yang lain akan dipulihkan untuk mengurangkan kesan hakisan pantai dan tsunami serta memastikan bekalan sumber yang berterusan."

Sumber : Dokumen pernyataan RMK-9 Teras 4.

SMK Pulau Gaya merupakan salah sebuah sekolah yang unik di daerah Kota Kinabalu kerana ia dibina secara terapung di atas air. Keadaan itu menyebabkan semua kawasannya terdedah kepada pencemaran terutama sekali kehadiran sampah – sarap yang dihanyutkan oleh arus air laut. Kedudukannya yang berhadapan dengan Laut Cina Selatan seolah-olah mendedahkannya kepada pintu masuk yang terbuka luas menerima kesan pencemaran sampah. Fenomena geografi yang sedemikian menyebabkan kawalan ke atas kebersihan dan keceriaan sekolah menjadi amat sukar. Rutin harian petugas sekolah untuk membersihkan kawasan sekolah didapati tidak berkesan kerana timbunan sampah yang sentiasa datang mengikut arus pasang. Ketika arus surut pula, sampah tersebut akan tertinggal di pesisiran pantai dan di bawah bangunan sekolah. Kitaran seperti itu berlaku setiap hari. Masalahnya ialah, walaupun fenomena kehadiran sampah seolah-olah berada di luar kawalan manusia, namun sekiranya tidak ditangani secara serius, ia akan menjadi semakin kronik. Kesannya akan menjejaskan kesihatan warga sekolah, mencacatkan keceriaan, dan menjatuhkan imej sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan dan keilmuan.

Sebahagian besar pelajar SMK Pulau Gaya datangnya daripada petempatan atas air yang didirikan di pesisir pulau tersebut. Struktur petempatan yang padat, tidak teratur, kemudahan infrastruktur kurang, tiada sistem rawatan kumbahan, tiada pusat pembuangan dan pelupusan sampah serta terasing daripada penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan telah menyebabkan mereka terdedah kepada persekitaran yang tidak mesra alam sekitar. Secara umumnya, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar yang berlaku di kawasan sekolah seperti berikut :

- Petempatan 'atas air' oleh rumah-rumah penduduk kampung Pulau Gaya yang didirikan di sekeliling sekolah.
- Kewujudan petempatan-petempatan setinggan 'atas air' di pesisiran Pulau Gaya.

Jadual 1.1 : Petempatan 'atas air' dan jarak kedudukannya dari SMK Pulau Gaya.

Bilangan	Petempatan	Jarak
01	Pondoh	1 km
02	Lok Lurai	1.5 km
03	Lok Malom	1.3 km
04	Pasir Putih	1 km
05	Lobong	0.3 km
06	Sabang, P. Sepangar	4.6 km

Sumber : Fail Dokumentasi Program SERASI (2005), SMK Pulau Gaya.

- Fenomena pencemaran biasa yang disebabkan oleh sikap pekapal, nelayan, industri, dan individu yang sering melepaskan sisa buangan ke dalam laut.
- Budaya masyarakat setempat yang menganggap laut sebagai tempat pelepasan semulajadi tanpa sebarang kawalan
- Situasi petempatan penduduk yang tidak mempunyai kemudahan prasarana terurus seperti; loji pembuangan kumbahan, tandas terawat, dan tempat khas pembuangan dan pelupusan sampah.
- Kesedaran sivik tentang tanggungjawab memelihara alam sekitar dikalangan penduduk amat rendah kerana pengaruh budaya hidup dan latar-belakang yang telah sekian lama menjadi amalan
- Persepsi bahawa Pulau Gaya tidak menerima kesan penguat-kuasaan secara langsung yang berterusan daripada pentadbiran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu disebabkan lokasinya yang terpisah daripada tanah besar. Ketiadaan halangan undang-undang seperti 'denda/kompauan serta-merta' sebagaimana yang berlaku di daratan menyebabkan persepsi seperti ini berterusan.
- Ketiadaan tandas terurus menyebabkan bahan buangan manusia seperti air besar dan air kecil dilepaskan secara 'terus' ke laut.
- Kehadiran pelbagai bentuk material yang dibuang secara berleluasa ke dalam laut dan mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

Jadual 1.2 : Bahan Pencemaran

Bahan Cemar	Material
Pepajal	Sampah dalam bentuk plastik, kertas, kepingan kayu, bekas tin, botol kaca/plastik, rumpai laut
Cecair	Kesan minyak petrol/diesel, Sisa makanan, Bahan buangan manusia

Sumber : Fail Dokumentasi Program SERASI (2005), SMK Pulau Gaya.

1.3 Pernyataan Masalah

Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Bagi mencapai dasar dan matlamat tersebut, salah satu fokus pembangunan modal insan Kementerian Pelajaran Malaysia sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan adalah pengukuhan program 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) jelas memberi penekanan terhadap perkara ini dalam strateginya iaitu;

Amalan kebersihan perlu disemai dan dipupuk sejak awal dari rumah dan diperkukuh serta diperkembangkan di sekolah agar dapat menjadi amalan sepanjang hayat. Program Amalan Kebersihan Sekolah mempunyai lima objektif utama, iaitu:

- membina perlakuan amalan kebersihan sebagai budaya hidup yang berterusan dalam menjalani kehidupan seharian
- meningkatkan keprihatinan dan komitmen warga sekolah terhadap kebersihan, keindahan dan keceriaan, serta menghargai kemudahan yang disediakan
- memupuk semangat kepunyaan serta kesediaan bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat amalan kebersihan sekolah
- melaksanakan aktiviti amalan kebersihan sekolah
- Mewujudkan iklim, serta identiti sekolah sebagai institusi yang sihat, bersih, indah dan ceria.

Sumber : KPM-PIPP (2006-2010), Muka Surat 53 , Bab 5: (5.06)

Penekanan terhadap konsep 3K ini telah mewujudkan satu trend yang sihat di kalangan pentadbir sekolah untuk mempelbagaikan daya kreativiti dan inovasi khususnya usaha meningkatkan tahap keceriaan dan kebersihan persekitaran sekolah masing-masing. Dari perspektif pendidikan kualiti yang diharapkan ialah sejauh mana usaha-usaha tersebut dapat menerapkan rasa kecintaan pelajar dan warga sekolah dengan unsur unsur alam semulajadi yang amat penting untuk keseimbangan alam dan kesejahteraan